



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK;
HATI-HATI
DENGAN HATI



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"HATI-HATI DENGAN HATI".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥٧﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan mengajak tuan-tuan sekalian agar sentiasa berusaha meningkatkan ketakwaan dan keimanan kita kepada Allah SWT serta patuh melaksanakan Sunnah Rasulullah SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita di dunia dan di akhirat sentiasa dirahmati serta dipelihara oleh Allah SWT. Insya-Allah.</p>	5
<p>Pada hari yang berbahagia ini, marilah kita muhasabah diri dengan mengambil iktibar daripada khutbah yang bertajuk "HATI-HATI DENGAN HATI."</p> <p>Hadirin sidang Jumaat yang beriman,</p>	6



Setiap anggota tubuh badan manusia ini diciptakan dengan fungsinya masing-masing. Apabila ada yang rosak, maka kerja dan fungsinya turut akan terganggu atau tidak berfungsi sama sekali. Termasuklah juga apabila seseorang itu diserang penyakit hati. Apabila hati telah dijangkiti penyakit, maka jauhlah orang itu dari Allah SWT kerana hati tersebut tidak dapat menjalankan fungsi kerjanya dengan baik, ia tidak mampu melaksanakan ibadah kepada Allah SWT bahkan semakin jauh untuk mengenali Allah SWT.

7

Allah SWT telah mengingatkan kita dengan firman-Nya dalam surah Yunus ayat 57 yang bermaksud:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu dan juga menjadi hidayah petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman."

8

Muslimin yang dikasihi Allah sekalian,

Penyakit hati merupakan penyakit yang sangat berbahaya. Penghidapnya tidak merasakannya. Kalaupun dia merasakannya, namun sangat sukar baginya untuk bersabar dalam mengubatinya, kerana ubat penyakit hati ialah dengan melawan hawa nafsu.

9



Sebagaimana hadis daripada Nu'man bin Basyir Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

10

"Bahawasanya, ada di dalam tubuh itu segumpal daging, jika daging tersebut baik, maka baiklah seluruh tubuh itu dan jika ianya rosak, maka rosaklah seluruh tubuh itu. Ketahuilah, bahawa segumpal daging itu adalah hati."

(Muttafaqun Alaih).

11

Jelaslah, bahawa hati merupakan raja bagi seluruh anggota tubuh badan kita, hati memainkan peranan penting sebagai penggerak atau peneraju sesuatu amalan, dari segi jasmani mahu pun rohani. Jika seseorang itu memiliki hati yang bersih maka setiap amalan yang dikerjakannya akan menjadi sempurna dan terbaik, tetapi jika hatinya rosak, maka seluruh anggotanya akan ikut rosak dan sudah pasti ia akan lupa asal usul kejadiannya dan sekaligus ia akan jauh daripada mengingati Allah SWT.

12

Inilah penyakit umat zaman berzaman. Rezeki dan nikmat Allah SWT dikaut semahu-mahunya, tetapi sayang, sungguh berat untuk bersyukur dan berterima kasih kepada Allah SWT Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang serta Maha Pemberi. Mereka beranggapan bahawa apa yang mereka miliki, semuanya adalah dengan daya usaha mereka sendiri.

13

Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,



Justeru, marilah kita renung sejenak bagaimanakah dengan hati kita, adakah ia tergolong dalam kategori jenis-jenis hati yang dinyatakan ini, antaranya:

1. Hati yang hidup.

laitu yang selamat dari berbagai penyakit dan kerosakan. Dalam hati ini tidak terdapat di dalamnya kecuali kecintaan hanya kepada Allah SWT dan takut kepada-Nya. Hatinya takut akan hal-hal yang boleh menjauhkan dirinya dari Allah SWT. Ia adalah hati yang khusyuk, yang hidup dan sentiasa sedar akan tujuan dirinya berada di bumi Allah ini.

14

2. Hati yang mati.

laitu hati yang tidak ada kehidupan di dalamnya. Ia tidak mengenal Rabb-nya, tidak mahu beribadah menyembah-Nya. Ia hidup mengikut tuntutan hawa nafsu dan kesenangan di dunia semata-mata, meskipun apa yang dilakukannya itu mengundang kemurkaan Allah. Ia tidak menghiraukan nasihat yang diberikan. Ia hanya mengikut seruan syaitan dan pujuk rayunya sahaja.

15

3. Hati yang sakit.

Hati ini banyak menyimpan tenaga untuk kehidupan duniawi semata-mata tetapi telah bersarang penyakit di dalamnya. Kadang-kadang ia boleh mengingati Allah kerana sebab-sebab untuk kehidupan duniawi tetapi ia lebih dekat kepada kebinasaan dan keingkaran kepada Allah SWT.

16



<p>Muslimin sekalian,</p> <p>Setelah kita mengetahui keadaan dan kategori hati kita, maka segeralah cari penawar atau ubat yang boleh mengembalikan kesihatan dan kesucian hati kita itu kerana setiap penyakit itu ada penawarnya,</p>	17
<p>Begitu juga hati yang sakit ada penawarnya, antaranya ialah:</p> <p>1. Zikrullah (khususnya tidak meninggalkan solat fardhu dan segala ilmu fardhu ain).</p>	18
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 41 dan 42:</p> <p>يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَءَاصِيلاً ﴿٤٢﴾</p>	19
<p><i>"Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepada-Nya pada waktu pagi dan petang."</i></p>	20
<p>1. Keraplah berdampingan dengan al-Quran (membaca, mempelajari, mentadabbur serta memahami ayat-ayat al-Quran).</p>	21



Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal ayat 2:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾ 22

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah."

2. Banyakkan mengingati mati (dengan banyak bersyukur dan sentiasa bertaubat atas segala dosa dan kesalahan yang dilakukan).

Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf ayat 34 :

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَأْخِرُونَ سَاعَةً وَلَا يَسْتَقْدِمُونَ ﴿٣٤﴾ 25

"Dan bagi tiap-tiap umat itu akan menemui ajal (mati), maka apabila datang ajalnya, tidak diperlambatkan walau pun sesaat dan tidak pula dipercepatkan walau pun sesaat".



Hadirin sekalian,

Bagi mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran dan penghayatannya sebagai pedoman kita. Antaranya:

1. Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga hati kita daripada segala penyakit hati yang boleh menyebabkan kita jauh daripada Allah SWT dan meninggalkan tanggungjawab ibadah kepada-Nya.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa menghidupkan hati kita dengan sentiasa mengingati Allah SWT dengan cara memperbanyakkan berzikir, membaca dan mentadabbur al-Quran serta bersyukur di atas segala nikmat yang Allah anugerahkan kepada kita.
3. Umat Islam hendaklah mengingati kematian supaya menjadi pendorong kepada kita untuk menjadi seorang hamba Allah yang soleh dan baik untuk agama, keluarga dan masyarakat.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ
بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾ يُخَدِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَدَعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ
وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ
بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

28



"Dan di antara manusia ada yang berkata: Kami telah beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)."

29

(Surah al-Baqarah ayat 8-10).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	9
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	11
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	12
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	16
<p>Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.</p>	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٣١﴾.	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21